

Lebih banyak pusat pameran

UM 21 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Kerajaan akan membuka lebih banyak pusat pameran di luar negara untuk memasarkan produk-produk negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, promosi barangan Malaysia di luar negara mestilah ditingkatkan dan kerajaan akan memberi segala bantuan kepada mereka yang ingin berbuat demikian.

“Kerajaan sudah memperuntukkan wang hampir RM100 juta untuk pusat pameran barangan Malaysia di Bahrain dan akan mendirikan pusat pameran seperti ini di lain-lain negara yang berpotensi untuk memasarkan produk negara,” katanya dalam ucapan Bajet 2003 di sini.

Perdana Menteri berkata, syarikat milik tempatan yang berjaya mencatatkan pertumbuhan eksport diberi pengecualian cukai pendapatan

di luar negara akan dibuka

sebanyak 30 peratus ke atas peningkatan eksport.

Katanya, mereka yang menembusi pasaran baru pula diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus.

“Saya juga mencadangkan syarikat-syarikat yang mencatat peningkatan eksport tertinggi mengikut kategori diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya,” kata beliau.

Katanya, untuk mendapat hasil yang sepenuhnya daripada aktiviti dagangan, syarikat-syarikat Malaysia harus mengurus dengan peniaga-peniaga di negara lain secara terus dan langsung, tanpa penglibatan orang tengah.

Beliau menambah, segala kemudahan untuk berdagang secara langsung dengan pelanggan atau pembekal di luar negeri sudah disediakan oleh negara.